



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA TAMPAR LELAKI

1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 PERATURAN AM

- 2.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Pertandingan ini dijalankan mengikut UndangUndang yang dikuatkuasakan oleh F.I.V.B (*Federated International Volleyball Board*) dan M.A.V.A (*Malaysian Amature Volleyball Association*) yang terkini atau yang sedang berkuatkuasa.
- 2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang asal akan dipatuhi.
- 2.3 Kejadian luar dugaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
 - 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berdasarkan kepada undang-undang Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang yang dikuatkuasakan oleh F.I.V.B (*Federated International Volleyball Board*) dan M.A.V.A (*Malaysian Amature Volleyball Association*).
- 2.4 Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.
- 2.5 Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am KARNIVAL SUKAN DVS.
- 2.6 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

3.0 PENDAFTARAN

- 3.1 Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada **DUA BELAS (12)** orang pemain lelaki dan serta **dua (2) orang** Pegawai/Pengurus/Jurulatih. (Pegawai/Pengurus/Jurulatih **BOLEH** menjadi pemain). (***Jurulatih yang BOLEH menjadi pemain merupakan kakitangan jabatan sahaja***)
- 3.2 Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.3 Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.4 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.5 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA TAMPAR LELAKI

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

4.1 Sebagaimana terkandung didalam **Peraturan Am Perkara 15.**

4.2 Kemenangan Set Dan Perlawan

4.2.1 Dari pusingan awal hingga akhir, perlawan adalah secara tiga (3) set terbaik / '*best of 3 sets*' dan menggunakan 25 mata *Rally Points* bagi setiap set kecuali set ke-3 (15 mata sahaja).

4.3 Pemberian Mata / Penentuan Kemenangan

4.3.1 Sistem Liga

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	2
Kalah	0

4.3.1.1 Sekiranya pada akhir peringkat kumpulan terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama, maka cara menentukan kemenangan adalah seperti berikut:

$$A = \frac{\text{Jumlah set yang menang}}{\text{(semua perlawan dalam kumpulan)}}$$

$$B = \frac{\text{Jumlah set yang kalah}}{\text{(semua perlawan dalam kumpulan)}}$$

➤ Pasukan yang memperolehi nisbah set yang lebih tinggi menduduki tempat teratas.

4.3.1.2 Sekiranya masih terdapat persamaan kedudukan, maka formula berikut digunakan:

$$A = \frac{\text{Jumlah mata set yang menang}}{\text{(semua perlawan dalam kumpulan)}}$$

$$B = \frac{\text{Jumlah mata set yang kalah}}{\text{(semua perlawan dalam kumpulan)}}$$

➤ Pasukan yang memperolehi nisbah mata set yang lebih tinggi menduduki tempat yang teratas.

4.3.1.3 Sekirannya masih seri maka keputusan perlawan yang telah diadakan antara kedua-dua pasukan akan diambil kira. Pasukan yang memenangi perlawan tersebut akan dikira sebagai pemenang.

4.3.1.4 Sekiranya masih tidak boleh menentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka keputusan akan ditentukan dengan cabutan undi.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

BOLA TAMPAR LELAKI



4.4 Tempoh Perlawanan

- 4.4.1 Tempoh perlawanan tidak dihadkan. Permainan akan ditamatkan sekiranya terdapat mana-mana pasukan yang mencapai mata penamat terlebih dahulu.
- 4.4.2 Setiap pasukan yang menyertai pertandingan hendaklah sentiasa bersedia untuk bermain lebih daripada satu (1) perlawanan sehari.

4.5 Masa Pertandingan

- 4.5.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan.
- 4.5.2 Semua pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di gelanggang permainan **tiga puluh (30) minit** sebelum perlawanan dimulakan.
- 4.5.4 Sekiranya pasukan yang bertanding gagal hadir pada masa perlawanan yang dijadualkan akan diberi masa tangguhan selama **sepuluh (10) minit**. Jika setelah tamat tempoh masa yang diberikan, pasukan tersebut tidak juga hadir maka kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan yang hadir.
- 4.5.5 Jumlah minima pemain dalam pasukan bagi setiap perlawanan ialah **enam (6) orang**. Pasukan yang menurunkan kurang daripada enam (6) orang pemain ke gelanggang apabila pengadil memerintahkan perlawanan dimulakan pada masa yang dijadualkan, maka perlawanan tersebut akan dibatalkan dan pasukan tersebut dikira kalah. Pasukan lawan yang mempunyai cukup pemain di dalam gelanggang akan diberikan kemenangan percuma.
- 4.5.6 Walau bagaimanapun, tiada sebab bagi pasukan-pasukan memberikan kemenangan percuma kepada pasukan lawan. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan mengambil tindakan dengan melaporkan kepada Ketua Kontinjen agar mengambil tindakan tegas kepada pihak yang terlibat dan bertanggungjawab.

4.6 Waktu Bermula Sesuatu Perlawanan

- 4.6.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN ATAU JAWATANKUASA PENGELOLA**.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BOLA TAMPAR LELAKI

4.7 Penggantian Pemain & Had Penggantian Pemain

- 4.7.1 Pemain barisan utama boleh meninggalkan permainan Cuma sekali dalam satu-satu set, dan memasuki semula untuk bermain Cuma sekali sahaja dalam satu-satu set, dan hanya kepada posisi terdahulunya seperti dalam senarai barisan utama.
- 4.7.2 Seorang pemain simpanan boleh memasuki permainan untuk gantikan Seorang pemain barisan utama, dan beliau hanya boleh digantikan oleh pemain barisan utama yang sama. Namun pengecualian kepada pemain Libero yang menjangkaui perkara 4.7.1 dan 4.7.2
- 4.7.3 Syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi apabila gantian dibuat semasa bola dalam permainan.
 - 4.7.3.1 Pemain yang meninggalkan gelanggang hendaklah keluar melintasi garisan tepi di kawasan zon penggantian.
 - 4.7.3.2 Pemain yang masuk ke gelanggang juga dikehendaki berbuat demikian dari kawasan zon penggantian, tetapi hendaklah menunggu sehingga pemain yang hendak diganti telah keluar melintasi garisan tepi.
 - 4.7.3.3 Seseorang pengganti akan tertakluk kepada kuasa dan kebijaksanaan pegadil sama ada memanggil atau tidak untuk bermain.

4.8 Pemain Yang Diberi Amaran / Buang Padang

- 4.8.1 Mana-mana pasukan yang pemainnya mendapat '**Kad Merah**' atau **diperintahkan keluar gelanggang**, boleh diganti dengan pemain simpanan yang berdaftar untuk pasukan berkenaan dan kedudukan pemain yang mendapat '**Kad Merah**' atau **diperintahkan keluar gelanggang** tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib.
- 4.8.2 Pemain yang dikenakan '**Kad Merah**' atau pemain yang diperintahkan keluar gelanggang oleh pengadil perlawanan akan digantung satu (1) perlawanan berikutnya sehingga mendapat keputusan daripada Jawatankuasa Tatatertib .
- 4.8.3 Mana-mana pengurus atau jurulatih atau pemain yang melakukan kesalahan diluar gelanggang semasa pasukannya sedang bermain adalah dianggap sebagai melakukannya didalam gelanggang.
- 4.8.4 Mana-mana pemain yang didapati menyerang pengadil atau pemain yang diperintahkan keluar padang kerana bergaduh akan digantung bermain sepanjang tempoh kejohanan ini dan kedudukan pemain tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib.
- 4.8.5 Pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan juga akan membuat laporan tatatertib terhadap pegawai dan peserta yang didapati melanggar disiplin sebagaimana dalam **Peraturan Am Perkara 24** kepada Ketua Kontinjen dan Jawatankuasa Tatatertib.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

BOLA TAMPAR LELAKI



4.9 Pakaian Pemain

- 4.9.1 Setiap pasukan dikehendaki mendaftar sekurang-kurangnya dua (2) set jersi yang berlainan warna dan mestilah bernombor.
- 4.9.2 Jersi pemain mestilah bernombor dari 1 hingga 18 sahaja dan mestilah boleh dilihat dengan jelas dari segi bentuk angka dan warna. Pemain tidak dibenarkan menukar nombor jersi yang didaftarkan sehingga tamat kejohanan.
- 4.9.3 Nombor-nombor mestilah dicetak di hadapan dan dibelakang setiap jersi.
- 4.9.4 Saiz setiap nombor mestilah berukuran minima **lima belas (15)** cm di bahagian hadapan dan **dua puluh (20)** cm di bahagian belakang jersi.
- 4.9.5 Jersi mestilah seragam (dibenarkan sleeve atau sleeveless). Track bottom dan seluar pendek dibenarkan.
- 4.9.6 Pasukan yang tidak berpakaian seragam sukan (jersi) adalah dilarang daripada bertanding.
- 4.9.7 Warna jersi Libero mestilah berbeza dengan warna jersi pemain-pemain yang lain.
- 4.9.8 Pasukan yang dicatatkan terdahulu diatas jadual pertandingan akan dikehendaki menukar jersi sekiranya berlaku persamaan warna sebelum perlawanan.
- 4.9.9 Setiap ketua pasukan hendaklah memakai "*captain tag*" (satu garisan lurus dibawah nombor bahagian depan yang berukuran (2cm x 15cm).

4.10 Peralatan Pertandingan

- 4.10.1 Pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan menyediakan bola jenis '**MIKASA MVA 300**' atau yang setara dengannya bergantung kepada kelulusan **JAWATANKUASA PENGELOLA KARNIVAL SUKAN DVS 2020**.

4.11 PEMAIN LIBERO

- 4.1.1 Setiap pasukan boleh / dibenarkan menggunakan sistem libero seperti berikut:
 - 4.17.1 Sistem 2 libero
 - 4.17.2 Sistem 1 libero atau
 - 4.17.3 Sistem 0 libero
- 4.1.2 Setiap pemain libero mestilah memakai jersi yang berlainan (*contra*) dengan pemain utama



5.0 PENGADIL

- 5.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.
- 5.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

6.0 DISIPLIN PASUKAN

- 6.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpanduan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 6.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am.

7.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 7.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.

8.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN

- 8.1 Sila rujuk Peraturan Am Perkara 22, Perkara 23 dan Perkara 24.

9.0 JADUAL PERLAWANAN

- 9.1 Jawatankuasa Pengelola Sukan Tani akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

10.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

- 10.1 Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
BOLA TAMPAR LELAKI



11.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGKI

Nama	:	Isa Bin Bahari
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Bola Tampar
No. H/P	:	016-444 8117
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	Abdul Rashid Bin Jamaluddin
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Bola Tampar
No. H/P	:	016-403 4839
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	Mariani Binti Mohamed Yusof
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Bola Tampar
No. H/P	:	019 – 433 1956
emel	:	sukandvs@gmail.com